

## LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

### Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ("LMP") ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Produk ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ("Bank") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.



Tarikh: \_\_\_\_\_

### 1. Apakah Murabahah Trust Receipt (MTR)?

- MTR** adalah satu kemudahan pembiayaan modal pusingan jangka pendek yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan untuk membiayai pembelian domestik atau luar negara berdasarkan dokumen yang diterima di bawah transaksi *Letter of Credit-i* yang dikeluarkan oleh Bank.
- Ciri-ciri Utama:

|                          |                                                                                                                                                                                                                                                               |
|--------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Tempoh Pembiayaan</b> | Seperti yang diluluskan oleh Bank dan tidak melebihi tempoh 1 (satu) tahun.                                                                                                                                                                                   |
| <b>Jumlah Pembiayaan</b> | Jumlah maksimum pembiayaan adalah tertakluk kepada kelulusan Bank.                                                                                                                                                                                            |
| <b>Margin Pembiayaan</b> | MTR yang akan dikeluarkan tertakluk kepada jumlah amaun Surat Kredit-i yang dipohon dan tidak melebihi jumlah kemudahan yang diluluskan.                                                                                                                      |
| <b>Kadar keuntungan</b>  | Berdasarkan kepada margin yang telah disebut harga oleh pihak Bank seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran                                                                                                                                           |
| <b>Kelayakan pemohon</b> | 1. Kemudahan ini boleh ditawarkan kepada mana-mana sekumpulan individu, Korporat atau sebaliknya.<br>2. Kemudahan ini hanya boleh diberikan kepada warganegara Malaysia dan syarikat tempatan dan luar negara yang diperbadankan dan didaftarkan di Malaysia. |

### Konsep Syariah yang digunakan

#### Murabahah

*Murabahah* adalah merujuk kepada kontrak jual beli dengan pendedahan harga kos barangan / aset dan margin keuntungan kepada pembeli. Kontrak penjualan sedemikian adalah sah dengan syarat kos dan keuntungan adalah diberitahu oleh penjual dan dipersetujui lebih awal oleh pembeli.

### 2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi pembiayaan perniagaan ini, **sebagai ilustrasi:**

- Jumlah pembiayaan anda (Tertakluk kepada jumlah *Letter of Credit-i*): **RM1,000,000.00**
- Tempoh pembiayaan anda: **180 hari**
- Kadar keuntungan efektif (KKE): **7.75% setahun.**

**Secara keseluruhan anda akan membayar RM1,038,219.18** pada akhir tempoh 180 hari.

#### **Nota:**

##### **Bagi MTR,**

#### **a) Kaedah Pembayaran:**

*Pelanggan boleh menyelesaikan MTR secara sepenuhnya apabila sampai tempoh matang. Pembayaran awal ataupun pembayaran secara separa sehingga mencapai penyelesaian pembayaran sebelum tarikh matang adalah dibenarkan.*

#### **b) Membolehkan pembeli/pengimport menerima penghantaran barangan sebelum membuat pembayaran kepada pembekal.**

#### **c) Pelbagai pengeluaran/penggunaan boleh dibuat dalam had Fasiliti yang telah diluluskan.**

### Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum menandatangani.



Membayar jumlah pembiayaan anda tepat pada masa dan sepenuhnya berdasarkan **tempoh pembiayaan**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Hubungi kami **segera** sekiranya anda tidak dapat membayar jumlah pembiayaan anda.

### Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

- Duti Setem:** RM10.00
- Caj Guaman & Pengeluaran:** Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi Kemudahan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebangkrutan/mufli, carian penutupan syarikat dan caj-caj lain yang berkaitan (jika berkenaan).
- Sumbangan Takaful:** Berdasarkan jumlah perlindungan yang diambil untuk pembiayaan.

*Nota: Fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika ada) atau apa-apa cukai lain yang ditetapkan oleh Kerajaan.*

### 3. Ketahui Risiko Anda

#### Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

1. Bayaran keseluruhan yang perlu anda bayar menjadi lebih banyak disebabkan **ganti rugi (Ta'widh)** sepertimana berikut:
  - a. **Selepas Tarikh Matang dan Penghakiman:** Mengikut kadar *Islamic Interbank Money Market (IIMM)* ke atas keseluruhan jumlah baki tertunggak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
2. Bank berhak untuk **menolak** wang dari akaun simpanan anda untuk mengimbangi bayaran jumlah pembiayaan atau baki pembiayaan perniagaan anda.
3. Bank berhak untuk mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda dan/atau penjamin (jika berkenaan).
4. **Skor kredit** anda mungkin terjejas yang akan menyebabkan permohonan pembiayaan lain pada masa hadapan menjadi lebih sukar atau mahal.

### 4. Terma Penting Lain

1. Rebate (*lbra'*) akan diberikan kepada anda berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku:

- i. Rebate (*lbra'*) hendaklah diberikan untuk penyelesaian awal iaitu keuntungan tertunda.

Formula untuk pengiraan Rebate (*lbra'*) dan nilai penyelesaian adalah seperti berikut:

$$lbra' = \text{Keuntungan Tertangguh}$$

$$\text{Nilai Penyelesaian} = \text{Baki Harga Jualan} - lbra'$$

2. Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
3. Anda digalakkan untuk mengambil Skim Perlindungan Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keberhutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Pelan perlindungan Takaful adalah penting untuk memastikan baki pembiayaan anda dilindungi sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau mengikut terma perlindungan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.
4. Penjamin dan / atau aset pembiayaan diperlukan oleh Bank sebagai cagaran untuk pembiayaan tertakluk kepada penilaian kredit Pelanggan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan perdagangan anda, anda boleh:



Hubungi  
1-300-88-2476



Lawati

[https://www.agrobank.com.my/my/  
product/murabahah-trust-receipt-i/](https://www.agrobank.com.my/my/product/murabahah-trust-receipt-i/)



E-mel

[customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)



Imbas kod QR di  
atas

#### Pengakuan Pelanggan\*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang akan anda tandatangi.

☐

Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan saya salinan LMP.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

*\*Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian kemudiannya mengenai terma dan syarat produk.*

-----  
Nama:

Tarikh: